

Penipuan guna ICT semakin meningkat

Jika tidak dibendung boleh ancam keselamatan negara: Musa

Oleh Hardi Effendi Yaacob

KUALA LUMPUR: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menyuarakan kebimbangannya terhadap kewujudan banyak jenayah kolar putih, terutama kes penipuan menggunakan segala kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), khususnya internet.

Katanya, sejajar dengan perkembangan pesat bidang ICT tempatan, jumlah kes penipuan turut menunjukkan peningkatan yang membimbangkan, malah jika tidak dibendung, ia dikhuatiri boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara ini.

“Malaysia kini semakin menuju era globalisasi, dengan segala kemudahan baru (ICT) wujud. Ini membuka banyak ruang kepada penjenayah (kolar putih) melakukan aktiviti mereka, termasuklah penipuan melalui internet.

“Dulu lain sebab kita duduk di negara tertutup. Sekarang ini, negara kita agak terbuka kesan globalisasi dan lebih kepada dunia tanpa sempadan. Bila dunia tiada sempadan, maka jenayah pun tiada sempadannya. Ini yang kita bimbang-

kan,” katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Musa berkata, lebih membimbangkannya jenayah trend baru itu dilakukan secara terancang, selain didalangi sindiket antarabangsa yang turut membabitkan golongan profesional dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu.

Katanya, berbanding kes jenayah biasa, penjenayah kolar putih lebih licik dalam mengatur gerak-geri mereka hingga sukar dikesan pihak berkuasa.

“Inilah cabaran baru kita sejajar dengan perkembangan pesat yang dikecapi negara sekarang. Justeru, saya minta setiap anggota peka terhadap perubahan ini (trend jenayah), sekali gus memastikan ia ditangani segera.

“Yang paling kita bimbangkan jika jenayah kolar putih ini, turut sama menyebarkan anasir yang boleh menggugat keselamatan negara dan rakyat. Sebab itulah, saya ambil serius kewujudan jenayah trend baru ini,” katanya.

Diminta mengulas lebih lanjut, beliau berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan rakan setugas di luar negara, selain Interpol bagi memantau kewujudan sebarang bentuk je-

nayah trend baru pada peringkat antarabangsa.

“Bukit Aman mempunyai hubungan baik dengan agensi penguatkuasa (undang-undang) di luar negara. Kita sentiasa bertukar maklumat mengenai kewujudan sebarang bentuk jenayah trend baru bagi memastikan tugas memeranginya dapat dilaksanakan dengan baik.

“Ini penting sebab kita mahu pas-

“Dulu lain sebab kita duduk di negara tertutup. Sekarang ini, negara kita agak terbuka kesan globalisasi dan lebih kepada dunia tanpa sempadan. Bila dunia tiada sempadan, maka jenayah pun tiada sempadan”

tikan rakyat dan negara kita sentiasa selamat dan siapa pun yang datang sini berasa selamat. Isu keselamatan memang penting dalam pembangunan negara kita. Siapa yang mahu datang dan tinggal di sini kalau negara kita tidak selamat,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau meminta rakyat supaya terus yakin dengan polis, selain sentiasa bekerjasama dengan pasukan keselamatan itu dalam usaha memerangi jenayah di negara ini.

“Ini bukan tugas polis semata-mata, sebaliknya masyarakat perlu beri kerjasama. Ini tanggungjawab kita bersama. Kita harap masyarakat akan terus menyalurkan maklumat yang boleh membantu kita memerangi jenayah,” katanya.

Sementara itu, Musa enggan mengesahkan sama ada keputusan ujian DNA anak kepada model Mongolia, Altantuya Shaaribuu, yang mayatnya ditemui diletupkan di kawasan hutan berhampiran Empangan Subang di Puncak Alam, Shah Alam, November lalu sudah diketahui semalam.

“Itu (keputusan DNA) saya tidak tahu... saya belum terima apa-apa maklumat mengenainya. Saya tidak boleh buat apa-apa pengesahannya mengenainya,” katanya.

Musa Hassan
Ketua Polis Negara